



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELANCARAN MINGGU KESELAMATAN UBAT *#MedSafetyWeek 2024*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) sedang mengambil bahagian dalam kempen tahunan [#MedSafetyWeek](#) kali ke-9 yang berlangsung dari 4 hingga 10 November 2024. Kempen peringkat global ini diterajui oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dengan melibatkan 101 organisasi di 90 buah negara. Tema bagi kempen [#MedSafetyWeek 2024](#) pada kali ini adalah *“Preventing Side Effects”* yang menekankan kepentingan menggunakan ubat dengan cara yang betul seperti yang diarahkan oleh anggota kesihatan bagi mencegah kesan sampingan dan juga menitikberatkan keperluan melaporkan kesan sampingan apabila ianya berlaku.

Keselamatan pesakit merupakan keutamaan KKM dan melalui kempen [#MedSafetyWeek](#) ini, anggota kesihatan diingatkan untuk membuat semakan dengan teliti sebelum memberikan ubat manakala pesakit pula diingatkan untuk mematuhi arahan penggunaan ubat dengan tepat. Sepanjang [#MedSafetyWeek 2024](#), orang ramai termasuk anggota kesihatan disarankan untuk bersama-sama menjayakan kempen ini dengan menggunakan *hashtag* [#MedSafetyWeek](#) di platform media sosial untuk menyebarkan bahan kempen daripada NPRA serta organisasi lain yang terlibat.

Pemantauan keselamatan amat penting bagi memastikan ubat-ubatan yang berada di pasaran terus selamat untuk digunakan. Semua laporan kesan sampingan yang diterima akan dianalisa untuk mengesan risiko keselamatan ubat-ubatan seperti kesan advers baharu dan/ atau pengemaskinian ke atas cara penggunaan sesuatu ubat. Di Malaysia, semua laporan kesan sampingan ubat-ubatan dikumpul menggunakan **Sistem Pelaporan Kesan Advers NPRA**. Semua laporan akan dinilai dan dikaji oleh NPRA supaya tindakan bersesuaian dapat diambil termasuk sebarang tindakan regulatori bagi memastikan pengguna terus mendapat manfaat daripada penggunaan ubat-ubatan.

CARA MELAPORKAN KESAN SAMPINGAN UBAT DAN VAKSIN

Anggota kesihatan dan pengguna boleh melaporkan kesan sampingan ubat dan vaksin kepada NPRA melalui beberapa saluran, seperti berikut:

Anggota kesihatan:

- Sistem Maklumat Farmasi Hospital (*Pharmacy Hospital Information System*, PhIS) bagi fasiliti KKM
- Borang dalam talian NPRA [[Health Professionals](#) > [Reporting ADR / AEFI](#)]
- Borang diisi secara [manual](#) dan dihantar kepada NPRA melalui e-mel (fv@npra.gov.my) atau pos

Pengguna:

Pengguna digalakkan untuk berbincang dahulu dengan anggota kesihatan tentang kesan sampingan yang dialami sebelum membuat laporan.

- Pengguna boleh memaklumkan kepada anggota kesihatan untuk membuat laporan bagi pihak mereka.

- Pelaporan juga boleh dibuat oleh pengguna sendiri dengan mengisi borang laporan untuk pengguna, iaitu *Consumer Side Effect Reporting Form* (ConSERF):
 - Borang dalam talian [[Consumers](#) > [Reporting Side Effects to Medicines \(ConSERF\) or Vaccines \(AEFI\)](#)]
 - Borang diisi secara [manual](#) dan dihantar kepada NPRA melalui e-mel (fv@npra.gov.my) atau pos.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

5 NOVEMBER 2024